

[CON 9] RUMAH KONTENA SEBAGAI ALTERNATIF UNTUK PENEMPATAN PADA MASA AKAN DATANG

Solehah Othman¹ & Rahimi Abidin²

¹⁻²*Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah*
solsolehah@ymail.com¹, a.rahimi@uum.edu.my²

ABSTRAK

Kediaman atau rumah adalah menjadi asas atau keperluan wajib yang diperlukan oleh setiap manusia. Kesan dari peningkatan ekonomi yang semakin kritikal di Malaysia serta peningkatan harga barang binaan telah menyebabkan harga rumah meningkat secara mendadak. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan dengan menyediakan rumah mampu milik tetapi perkara itu tidak mampu menyelesaikan isu kesukaran mendapatkan kediaman sendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor kesukaran untuk mendapatkan kediaman sendiri pada masa hadapan. Kesukaran ini boleh dilihat dalam kalangan golongan muda yang berpendapatan rendah dan sederhana. Satu temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan rumah kontena. Penggunaan rumah kontena di Malaysia masih diperingkat permulaan, namun ia mungkin menjadi salah satu pilihan yang baik untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia dalam mendapatkan kediaman sendiri disamping membantu dalam memelihara alam sekitar dengan mengurangkan lambakan kontena di pelabuhan.

Kata kunci: *rumah mampu milik, perumahan, rumah kontena, industri pembinaan*

PENDAHULUAN

Impian masyarakat adalah untuk memiliki kediaman sendiri yang selesa dan berkualiti. Perumahan telah menjadi keperluan asas dan tidak lagi menjadi kehendak. Setiap individu mempunyai impian dan harapan untuk membeli dan memiliki rumah sendiri. Jadi, keputusan untuk membeli rumah adalah satu cabaran yang besar kepada diri seseorang (Ismail, 2015).

Terdapat banyak jenis kediaman yang wujud di Malaysia. Di antaranya rumah teres, rumah flat atau pangsapuri, rumah banglo dan lain-lain. Setiap jenis rumah ini mempunyai kelas yang tersendiri yang memisahkan golongan atasan dan bawahan. Pasaran harga tanah kediaman di Malaysia telah mengalami peningkatan harga yang tinggi. Berdasarkan teori ekonomi, perubahan harga rumah kediaman mempunyai kaitan secara langsung dengan ekonomi bandar dan demografi seperti pendapatan, kos, harga dan bilangan penduduk. Disebabkan perubahan harga yang mendadak, peluang memiliki rumah kediaman dipengaruhi oleh peningkatan dan penurunan harga rumah (Hashim, 2010).

PENYATAAN MASALAH

Di Malaysia kini, isu kesukaran untuk mendapatkan kediaman mampu milik masih menjadi topik hangat pada semua pihak. Harga rumah yang terus meningkat menyebabkan usaha memiliki rumah sendiri dalam kalangan masyarakat menjadi semakin sukar. Hal ini kerana harga rumah menjadi faktor utama diambil kira oleh pengguna untuk membeli rumah. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, keadaan semasa menunjukkan isu perumahan masih lagi menjadi isu utama. Terutamanya isu kekurangan penyediaan rumah bagi golongan sederhana dan berpendapatan rendah. Bagi golongan berpendapatan rendah, usaha untuk memiliki rumah adalah salah satu keperluan asas yang melibatkan perbelanjaan besar. Hal ini kerana, dengan memiliki kediaman sendiri menunjukkan bahawa mereka berjaya keluar daripada kemiskinan. Namun, tahap untuk memiliki rumah sendiri yang masih rendah menunjukkan bahawa masalah kemiskinan belum dapat dihapuskan dengan baik (Malina & Azrina, 2012).

Rumah kontena boleh menjadi sebuah rumah yang mewah dan luas sebagaimana rumah-rumah lain yang dibina secara tradisional. Rumah kontena ini sesuai digunakan di dalam pembinaan. Hal ini kerana, blok-blok binaan ini boleh disusun di atas antara satu sama lain. Rumah kontena ini boleh menjadi rumah yang mampu milik dan terdapat pembangunan lain yang menggunakan rumah kontena ini dijadikan sebagai pejabat dan unit-unit kediaman yang lain (Mary, 2014).

Sambutan atau tahap pembinaan rumah kontena di Malaysia masih kurang mendapat sambutan. Hanya terdapat di beberapa tempat sahaja yang menggunakan kontena tersebut. Hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor seperti iklim yang tidak sesuai di Malaysia dan kurang pengetahuan mengenai rumah kontena. Antara pembinaan yang terkenal yang ada di Malaysia ialah Hotel Kontena di Kuala Lumpur, rumah banglo dua tingkat yang terletak di Bukit Tinggi, Pahang, Hotel Kontena di Muar, Johor dan terdapat banyak lagi kawasan lain yang menggunakan kontena (Ismail et al., 2016).

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor yang menyukarkan orang ramai terutamanya golongan yang berpendapatan rendah sukar untuk mendapatkan petempatan sendiri atau memiliki sebuah rumah. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti jalan penyelesaian bagi mendapatkan petempatan kekal atau rumah sendiri iaitu dengan menjelaskan kebaikan serta keburukan rumah kontena yang dijadikan sebagai satu alternatif untuk mendapatkan petempatan pada masa akan datang. Kajian ini dibuat untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kesukaran mendapatkan kediaman sendiri
- ii. Mengenalpasti rumah kontena sebagai alternatif kediaman sendiri pada masa akan datang

KAJIAN LITERATUR

Rumah mampu milik

Walaupun terdapat penawaran untuk rumah kos rendah, tetapi penawaran tersebut masih tidak mencukupi disebabkan permintaan rumah kediaman yang semakin meningkat. Hal ini kerana peningkatan urbanisasi negara ini dijangka meningkat sebanyak 75% menjelang tahun 2020 dan masalah tersebut telah memberi cabaran

kepada kerajaan untuk memenuhi permintaan untuk perumahan mampu milik (Malina & Azrina, 2012). Dasar Perumahan Negara telah menyatakan bahawa Perumahan Rakyat Mampu Milik iaitu terdiri daripada rumah kos rendah, sederhana rendah dan kos sederhana berharga RM300.000 ke bawah (Sembilan, 2015).

Jenis-jenis rumah di Malaysia

Rumah merupakan salah satu keperluan asas. Umumnya mengetahui bahawa rumah bukan sahaja tempat untuk melindungi seseorang individu dari segi fizikal, tetapi juga sebagai mendapatkan privasi tersendiri, ketenangan diri, tempat berehat setelah seharian menjalani kehidupan dan melakukan aktiviti kekeluargaan (Malina & Azrina, 2012). Terdapat dua jenis perumahan di Malaysia iaitu rumah tradisional dan rumah moden. Rumah tradisional adalah rumah yang telah dibina secara tradisi dan dibina oleh tukang kayu yang mempunyai kemahiran tersendiri. Kebiasaannya, jenis rumah ini terdapat di pinggir kampung, tetapi rumah ini telah dimodernkan atau dibaik pulih untuk dijadikan sebagai muzium dan sebagainya. Kini, rumah tradisional mendapat banyak permintaan kerana rumah tradisional ini lebih tahan lama dari segi keutuhannya. Untuk pembinaan rumah ini, kebanyakannya pembinaan rumah ini menggunakan hasil alam seperti kayu meranti, balak dan sebagainya. Rumah moden pula terdiri daripada rumah banglo, teres, dan pangsapuri. Rumah ini dibina dengan menggunakan teknologi peralatan moden. Jenis rumah ini kebanyakannya dibuat menggunakan batu-bata, kaca, simen dan sebagainya (Salleh, 2013).

Faktor kesukaran mendapat rumah sendiri

Pada tahun 2015, penduduk negara kita telah mencapai seramai 31.2 juta penduduk. Kepadatan penduduk yang semakin bertambah dari tahun ke tahun semakin membimbangkan terutama dari segi mendapatkan tempat tinggal sendiri. Kebanyakan rakyat akan berpindah ke bandar untuk mencari rezeki menyebabkan pembinaan-pembinaan rumah semakin bertambah. Kajian Khazanah Research Institute (KRI) telah mendedahkan harga rumah terlalu tinggi sehingga menyebabkan rakyat tidak mampu untuk memiliki rumah di Malaysia (Najib Arof, 2015). Isu harga rumah tidak pernah surut di Malaysia walaupun negara kita sudah hampir ke tahun 2020. Masalah ini tidak pernah surut kerana setiap tahun harga perumahan di negara kita sentiasa naik sehingga mencecah ratusan ribu sehingga rakyat didalam dilema untuk membeli kerana diluar kemampuan mereka.

Kenaikan harga rumah yang mendadak

Kesan pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi menyebabkan para pemaju bertindak menaikkan harga rumah berkos rendah disebabkan oleh kenaikan harga barang pembinaan yang semakin tinggi dan menyumbang peningkatan yang berlipat kali ganda terhadap pelbagai jenis rumah (Malina & Azrina, 2012). Kenaikan harga ini disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan, harga harta tanah, kos bahan mentah, nilai pelaburan asing yang meningkat dan sebagainya. Selain itu, peningkatan harga rumah juga kadangkala disebabkan oleh spekulasi harga oleh spekulator yang tidak bertanggungjawab yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata (Ismail, 2015).

Pertambahan bilangan penduduk

Di Malaysia, peningkatan jumlah penduduk di semua bandar yang semakin meningkat disebabkan proses urbanisasi yang semakin pesat (Malina & Azrina, 2012). Kedatangan warga asing yang tidak dibanteras dan terlalu ramai turut mempengaruhi pertumbuhan penduduk. Hal ini kerana pihak kerajaan tidak dapat mengawal secara baik dan isu

tersebut menjadi semakin parah untuk ditangani dan sukar ditangani oleh pihak yang terlibat (Rusniah et al., 2014).

Harga tanah semakin meningkat

Kepesatan sektor perindustrian dan sektor komersil dan kekurangan tanah untuk pembangunan di kawasan bandar telah menyebabkan harga tanah semakin meningkat dan ia menjadi masalah yang paling utama untuk dihadapi oleh sektor swasta dan awam dalam pembinaan atau penyediaan rumah kos rendah. Hal ini menyebabkan pemaju tidak mampu untuk menampung kos binaan disebabkan harga tanah yang tinggi seterusnya menyebabkan kekurangan pembinaan rumah kos rendah (Malina & Azrina, 2012).

Rumah kontena sebagai alternatif pada masa akan datang

Memiliki rumah dengan harga yang mampu milik pasti menjadi cabaran pada masa sekarang. Tetapi bagi seseorang yang mempunyai impian untuk memiliki rumah sendiri, kita pasti akan mencari jalan untuk memiliki sesebuah rumah. Terkini di Malaysia kontena dijadikan sebagai alternatif untuk mendapatkan kediaman sendiri. Kontena dijadikan sebagai idea bahan utama di dalam pembinaan dan merupakan sebuah konsep bangunan kontena ke arah pembinaan mesra alam sekitar.

Definisi kontena

Pada awalnya, seni bina kontena dimaksudkan dengan semua projek seni bina yang menggunakan bekas perkapalan sebagai alat pembinaan. Selain itu, kontena ini direka untuk melindungi barangan dari keadaan cuaca yang buruk. Pada masa kini, kontena telah mewakili satu pilihan baru dalam reka bentuk berstruktur, pembangunan seni bina untuk teknologi membina bangunan baru dan menjadikan bahan untuk menghasilkan kediaman mampu milik (Olivares, 2010). Industri bangunan seni bina kontena telah muncul sebagai salah satu cara yang mudah dan praktikal untuk memenuhi keperluan rakyat dalam usaha mendapatkan rumah dengan segera yang berdekatan dengan tempat kerja dan kemudahan rekreasi. Dengan hanya menggunakan tapak bangunan yang kecil, kos pembinaan yang rendah, mampu disiapkan dalam masa yang singkat dan mempunyai kekuatan struktur yang kuat (Mazran et al, 2015).

Kelebihan

Dari segi kekuatan dan ketahanan, sebahagian besar bekas kontena ini diperbuat daripada besi, aluminium, dan FRP gentian kaca bertetulang plastik atau kekuatan kayu (Olivares, 2010). Selain itu, bekas ISO standard boleh bertahan sehingga enam unit sepenuhnya dimuatkan dengan 24 tan kontena yang disusun. Terdapat contoh yang menggunakan rumah kontena yang menggunakan enam bekas kontena yang dikitar semula yang disusun di Bukit Tinggi, Pahang, Malaysia (Mazran et al, 2015).

Kos pembinaan rumah kontena turut murah. Hal ini kerana pengeluaran besar-besaran bekas perkapalan baru dan terpakai yang agak murah (Olivares, 2010). Pembinaan rumah kontena ini lebih murah daripada jenis-jenis rumah biasa. Dengan melakukan pembinaan rumah hanya menggunakan kontena yang telah terpakai, jika pengguna yang mahukan rumah yang besar tapi dalam kos yang maksimum, rumah kontena boleh dijadikan sebagai pilihan (Singla, 2011).

Rumah kontena lebih mesra alam. Hal ini kerana dapat mengurangkan penggunaan bahan binaan seperti batu bata, simen dan kayu. Kita boleh melihat contoh negara

pengimport seperti Amerika yang mempunyai import yang banyak menyebabkan pelambakan bekas kontena di pelabuhan. Pelaksanaan rumah kontena sebagai kediaman alternatif dapat menjimatkan kos penghantaran kontena ke tempat asal. Seterusnya, dapat menyelesaikan masalah pelambakan kontena di negara ini (Dao, 2012).

Kekurangan

Rumah kontena turut mempunyai kekurangan tersendiri. Antara kekurangannya dari segi perubahan suhu. Kontena ini mempunyai penebat haba yang rendah dan bekas kontena biasanya akan mudah terdedah dengan proses pengewapan (Olivares, 2010). Bekas perkapalan diperbuat daripada logam yang biasanya daripada aluminium atau *Corten Steel* iaitu yang membolehkan haba mengalir dengan baik. Bekas kontena ini boleh menjadi sejuk dan terlalu panas apabila haba terlalu rendah. Hal ini menyebabkan kesukaran mengawal suhu apabila menggunakan bekas kontena (Dao, 2012).

Seterusnya, kelemahan dari segi jangka hayat. Terdapat beberapa laporan mengatakan bahawa kontena hanya boleh digunakan hanya 15 tahun hingga 50 tahun sahaja. Masalah lain turut timbul apabila menukar bekas ISO ini ke bangunan yang boleh diduduki akan menjadi masalah apabila bumbung kontena yang rata akan menakung air hujan banyak dan memberi kesan kepada kawasan tertentu yang terdedah dengan cuaca yang tidak menentu (Mazran et al, 2015).

Selain daripada itu, pengeluar bekas kontena mengatakan bahawa bekas kontena yang dibuat daripada logam dan keluli itu mempunyai kesan kimia yang bahaya. Mereka menggunakan cat berbahaya dan pelarut untuk mengekalkan jangka hayat yang lebih lama kepada bekas kontena. Hal ini boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan apabila kita menghidu wap bahan kimia yang dihasilkan (Dao, 2012).

METODOLOGI


Maklumat dan data kajian ini diperolehi melalui kaji selidik keatas orang ramai di sekitar Sintok dan temu bual bersama pengurus projek di sebuah syarikat pembinaan di Alor Star. Kaedah persampelan yang diguna pakai ialah "*convenience sampling*" iaitu salah satu kaedah adalah bukan keberangkalan atau "*non-probability sampling*" yang mudah dilaksanakan kerana menggunakan responden yang mudah dicapai. Satu set soalan kaji selidik telah dibangunkan menggunakan maklumat daripada kajian literatur. Soalan kaji selidik ini telah dibahagi kepada dua bahagian dimana bahagian pertama mendapatkan maklumat berkaitan responden manakala bahagian kedua mengetahui tahap kepentingan dan persepsi setiap elemen yang ada. Antara elemen yang ditanya adalah mengenai pendapat sejauh mana pengetahuan dan persetujuan pengguna terhadap isu kesukaran mendapat rumah mampu milik dan pengetahuan mengenai rumah kontena. Soal selidik ini membenarkan pengkaji untuk mendapatkan lebih informasi dalam masa yang singkat (Hassan, 2007). Instrumen kajian menggunakan skala satu (sangat tidak setuju) hingga lima (sangat setuju) untuk mengenal pasti faktor kesukaran mendapatkan kediaman sendiri. Responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah mengisi borang tersebut. Soalan tersebut mempunyai empat bahagian untuk dijawab oleh mereka. Seterusnya, kaedah temubual dilaksanakan dengan menggunakan protokol temubual untuk mendapatkan maklumat berkenaan

rumah kontena sebagai alternatif kepada kediaman yang sedia ada daripada perspektif syarikat pembinaan.

Analisis data


Setelah data disimpan, analisis data dibuat untuk mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian. Bagi memudahkan proses untuk menganalisis data, perisian komputer digunakan iaitu perisian seperti kaedah Statistical Package for Social Science (SPSS). Perisian ini digunakan untuk mendapatkan statistik data yang diperolehi. Selain itu, *Microsoft Excell 2010* turut digunakan untuk menunjukkan hasil kajian yang dianalisis dan diberikan gambaran di dalam bentuk graf, carta dan sebagainya. Pelbagai cara boleh digunakan untuk mendapatkan statistik seperti statistik deskriptif, analisis purata, analisis kolerasi, analisis linear model am, klasifikasi data dan sebagainya (Abdullah, 2011). Di dalam kajian ini, untuk mendapatkan statistik data, statistik deksriptif telah digunakan dan seterusnya deksriptif bagi mendapatkan jawapan peratusan.

DAPATAN KAJIAN




Rajah 1
Peratusan lelaki dan perempuan

Rajah 1 menunjukkan peratusan lelaki dan wanita yang menjawab borang soal selidik. Daripada 30 orang responden, hasil kajian menunjukkan responden perempuan lebih ramai menjawab borang soal selidik iaitu sebanyak 67% berbanding responden lelaki hanya 33%.




Rajah 2
Peratusan mempunyai rumah sendiri

Rajah 2 menunjukkan peratusan yang memiliki rumah sendiri. Sebanyak 63.3% tidak mempunyai rumah sendiri manakala 36.7% mempunyai rumah sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa sebilangan responden masih tidak mempunyai rumah sendiri.



Rajah 3
Faktor-faktor kesukaran mendapatkan rumah sendiri

Faktor terbesar daripada kaji selidik didapati harga rumah adalah faktor yang tertinggi yang dipilih sebagai faktor kesukaran untuk mendapatkan rumah sendiri. Responden bersetuju menyatakan bahawa harga rumah yang mahal menyukarkan pengguna mendapatkan rumah sendiri. Sebanyak 4.77% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Di antara faktor-faktor kesukaran mendapatkan rumah sendiri ialah kerajaan kurang menyediakan rumah mampu milik yang cukup, penyediaan rumah seperti PRIMA, PPRT dan Skim Rumah Mesra Rakyat yang dapat mengurangkan beban rakyat, harga rumah yang mahal, pertambahan penduduk dan harga tanah yang mahal. Di dalam Rajah 3 tersebut menunjukkan bahawa penyediaan rumah mampu milik oleh kerajaan tidak mencukupi kerana menunjukkan peratusan yang paling rendah sebanyak 3.40%.



Rajah 4
Rumah kontena sebagai satu alternatif pada masa akan datang

Faktor terbesar daripada kaji selidik sebanyak 53.3% menyatakan tidak bersetuju bahawa rumah kontena sebagai satu alternatif mendapatkan kediaman sendiri. Sebanyak 46.7% menyatakan persetujuan bahawa rumah kontena boleh dijadikan alternatif mendapatkan rumah sendiri.

Daripada kaedah temubual yang dibuat, pengurus projek berpendapat bahawa rumah kontena tidak sesuai menjadi pengganti kepada jenis rumah lain. Walaupun kesukaran

mendapat kediaman sendiri, rumah kontena tidak sesuai menjadi alternatif untuk mendapatkan kediaman. Jika ianya hanya untuk sementara, penggunaan rumah kontena adalah digalakkan. Bagi bermaksud untuk penggunaan sementara, rumah kontena boleh dibina sebagai rumah mangsa banjir, pejabat di tapak bina, perlancongan, homestay dan sebagainya. Walaupun rumah kontena ini mempunyai banyak kelebihan yang boleh didapati, ia tetap tidak menjadi pilihan hati. Di antara kelebihan rumah kontena yang boleh dinyatakan ialah dari segi kekuatan dan ketahanan. Kekuatan dan ketahanan bermaksud rumah kontena tidak mudah berkarat dan tidak mudah roboh jika berlakunya bencana alam. Pembuatan rumah kontena ini diperbuat daripada keluli dan besi serta menggunakan cat yang tahan lama menyebabkan ia menjadi daya tahan dari segi keutuhan.

Di samping itu, responden turut menyatakan bahawa rumah kontena ini kurang risiko dari bencana alam dan tidak mudah rosak. Tambahan pula, jika hanya berlaku kerosakan, kita akan hanya mengalami ganti rugi yang sedikit. Hal ini kerana, rumah kontena boleh dibeli dengan harga yang murah bermula dari RM5,000 dengan berukuran 20 kaki. Bagi proses menyiapkan rumah kontena, kita hanya akan mengambil masa seawal dua minggu untuk menyiapkan rumah kontena ini. Disitu kita akan dapat menjimatkan masa pembuatan atau pembinaan rumah kontena. Kos pembuatan rumah kontena ini turut dikatakan murah kerana kos pembinaan serendah RM30,000 jika hanya menggunakan tiga buah kontena yang berukuran 20 kaki.

Dari segi kelemahan, rumah kontena ini sukar di bawa ke kawasan yang sempit. Sebagai contoh, di kawasan kampung yang mempunyai laluan sempit. Hal ini kerana, kontena memerlukan lori yang khas untuk membawa kontena ke tapak yang disediakan. Kontena mempunyai berat yang tinggi sehingga memerlukan penggunaan jentera khas untuk mengangkut kontena. Penghantaran kontena menjadi susah dan memerlukan ruang yang besar untuk proses pemindahan kontena. Selain itu, kelemahan dari segi reka bentuk. Umumnya, semua tahu reka bentuk kontena berbentuk segi empat sama. Jadi, reka bentuk kontena adalah terhad dan sukar untuk diubah bentuknya.

Di dalam kaedah temubual ini juga, turut dinyatakan bahawa syarikat responden tidak mengambil projek pembinaan rumah kontena. Hal ini kerana, projek pembinaan rumah kontena masih belum wujud atau masih belum mendapat permintaan di Kedah. Tambahan pula, masih belum meluas maklumat mengenai rumah kontena di Malaysia dan masih belum digalakkan oleh kerajaan. Walaupun rumah kontena sudah mula dilakukan di negeri Pahang, Johor, Pulau Pinang dan sebagainya, tetapi rumah kontena masih tidak menjadi pilihan pengganti jenis kediaman lain. Tetapi, responden menyatakan bahawa syarikat beliau akan menerima projek jika ditawarkan untuk membuat rumah kontena kerana rumah ini mudah dilakukan. Di akhir temubual, responden menyatakan pandangan bahawa rumah kontena tidak boleh menjadi pengganti kepada kediaman mampu milik kerana ramai golongan muda yang tidak berminat terhadap konsep rumah kontena ini. Tetapi, ia semuanya bergantung kepada persepsi sendiri terhadap rumah kontena tersebut. Seterusnya, rumah kontena ini sesuai untuk dilakukan sebagai sektor perlancongan kerana reka bentuk kontena boleh diubah menjadi hotel, kabin dan sebagainya untuk menarik perhatian orang ramai kerana keunikan kontena tersebut.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, di dalam objektif pertama, beberapa rumusan telah dibuat. Antaranya, didapati bahawa isu-isu kesukaran mendapat kediaman sendiri sangat dipersetujui oleh responden. Antara isu yang boleh dilihat kerajaan masih kurang menyediakan rumah mampu milik, harga rumah yang tinggi, pertambahan penduduk, dan harga tanah yang mahal. Penyataan-penyataan tersebut disokong kuat oleh responden. Kebanyakan golongan yang tidak mampu memiliki rumah sendiri di kalangan golongan sederhana dan berpendapatan rendah. Tambahan pula, secara umum kita mengetahui bahawa ekonomi negara kita tidak stabil ataupun mengalami kos hidup yang tinggi. Seharusnya, isu ini perlu diberi perhatian yang lebih mendalam bagi penyediaan rumah mampu milik yang cukup untuk rakyat.

Seterusnya, di dalam objektif kedua menyatakan pendapat bahawa rumah kontena ini boleh dijadikan sebagai alternatif penempatan pada masa hadapan, Rumusan hasil kajian mendapati bahawa rumah kontena boleh dijadikan sebagai rumah mampu milik, namun ia bergantung kepada persepsi masing-masing terhadap rumah kontena. Sebilangan responden bersetuju rumah kontena boleh dijadikan sebagai alternatif dan sebahagiannya lagi tidak memersetujui.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa walaupun rumah kontena boleh dijadikan sebagai alternatif rumah mampu milik, namun ia masih kurang mendapat sambutan dan saranan dari pihak kerajaan. Hasil daripada temubual yang dijalankan bersama pengurus projek, menunjukkan bahawa rumah kontena boleh dibuat atau digalakkan pembinaan dan memfokuskan kepada sektor perlancongan. Hal ini kerana keunikan rumah kontena mampu menjadi tarikan kepada orang ramai untuk mencuba.

Kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik dan kaedah temubual untuk mencapai objektif yang dinyatakan di dalam kajian. Kajian pada masa hadapan boleh menggunakan kedua-dua kaedah ini untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkenaan faktor-faktor kesukaran mendapat kediaman sendiri dan rumah kontena sebagai alternatif penempatan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdullah, A. A. (2011). Pengurusan keselamatan menyeluruh di tapak bina. *file:///C:/Users/User/Downloads/ahmadamarluqmanaa070007d11ttt.pdf*.
- Dao, L. (2012). *Shipping container housing – pros and cons*. Retrieved 14 11, 2016, from container-transportation: <http://www.container-transportation.com/shipping-container-housing.html>.
- Hashim, Z. A. (2010). Harga Rumah dan Tahap Mampu Milik Rumah di Malaysia. *Akademika*, 37-46.
- Hassan, A. (2007). Kualitatif dan Kuantitatif? Memahami Andaian Asas Yang Menyedari Penyelidikan. *Masalah Pendidikan*, 7-16.
- Ismail, A. K. (2015). chapter 1. pdf. *AzrilKhairolIsmailMfght 2012 chapter 1.pdf*, 1-16.

- Mary Martinez-Garcia. (2014). Alternative. *National Association Realtors*, 1-22.
- Mazran Ismail^{1*}, Karam M. Al-Obaidi², Abdul Malek Abdul Rahman³ and Mardiana Idayu Ahmad⁴. (2015). Container Architecture in the Hothumid tropics: Potential and constraints. *research gate*, 142-149.
- Najib Arof. (2015). *Perumahan Malaysia sangat tidak mampu milik*. Kuala Lumpur: Astro Awani.
- Nor Malina Malek, Azrina Husin. (2012). Pemilikan Rumah dalam Kalangan Masyarakat Bandar Berpendapatan Sederhana dan Rendah di Malaysia. *Sosiohumanika*, 269-284.
- Olivares, A. A. (2010). Sustainability in prefabricated architecture a comparative life cycle analysis of cointainer architecture for residential structuree. *Victoria University of Wellington*.
- Rusniah Ahmad, Mohamed Naiem Ajis, Saadon Awang. (2014). Permasalahan pendatang asing tanpa izian di Malaysia dari aspek sosial dan perundangan. 173-191.
- Salleh, N. (25 3, 2013). *Jenis-Jenis Rumah di Malaysia*. Retrieved 12 11, 2016, from eskey2kt4.wordpress.com: <https://eskey2kt4.wordpress.com/2013/03/25/2a/>.
- Sembilan, D. P. (2015). *Dasar Perumahan Negeri Sembilan, Memakmurkan Negeri, Mensejahterakan Rakyat*. Negeri Sembilan.
- Singla, S. (2011). *7 Benefits of Shipping Container Home Design*. Retrieved 13 11, 2016, from <http://www.marineinsight.com/>: <http://www.marineinsight.com/recreation/7-benefits-of-shipping-container-home-design/>.